

Yusuf Mentafsirkan Mimpi Orang Tahanan

Petikan dari Kitab Taurat: Kejadian 40:1-23.

¹Beberapa lama kemudian dua orang pelayan raja Mesir, iaitu pengurus minuman dan pengurus roti, melakukan kesalahan terhadap raja. ²Oleh sebab itu, raja murka terhadap kedua-dua orang pelayan itu. ³Mereka dimasukkan ke dalam penjara di rumah ketua pengawal istana, di tempat Yusuf ditahan. ⁴Mereka tinggal lama di penjara itu, lalu ketua pengawal istana menugaskan Yusuf untuk melayani mereka.

⁵Pada suatu malam pengurus minuman dan pengurus roti itu masing-masing bermimpi. Erti mimpi mereka itu tidak sama. ⁶Apabila Yusuf datang kepada mereka keesokan paginya, mereka kelihatan muram. ⁷Oleh itu Yusuf bertanya, “Mengapa begitu muram hari ini?”


⁹Mereka menjawab, “Kami bermimpi semalam, dan tiada sesiapa pun yang mengetahui ertinya.”

Yusuf berkata, “Hanya Allah yang membolehkan orang mentafsirkan mimpi. Cuba ceritakan mimpi itu.”



⁹Pengurus minuman itu berkata, “Dalam mimpi itu aku nampak pokok anggur di hadapanku. ¹⁰Pokok itu bercabang tiga. Sebaik saja cabang-cabangnya mula berdaun, segera bunga-bunganya berkembang, lalu buahnya masak. ¹¹Pada waktu itu aku sedang memegang cawan minuman raja; oleh itu aku mengambil buah anggur itu dan memerah airnya ke dalam cawan raja, lalu aku menghidangkannya kepada raja.”

¹²Yusuf berkata, “Inilah ertinya. Tiga cabang itu bererti tiga hari. ¹³Dalam tiga hari ini, tuan akan dibebaskan oleh raja, diampuni dan dikembalikan kepada pekerjaan yang dahulu. Tuan akan menghidangkan cawan minuman kepada raja seperti dahulu. ¹⁴Tetapi ingatlah akan saya apabila keadaan tuan sudah baik. Tolong sampaikan masalah saya kepada raja supaya saya dibebaskan dari penjara ini. ¹⁵Sebenarnya, dahulu saya diculik dari negeri orang Ibrani. Di sini, di Mesir pun, tidak pernah saya melakukan apa-apa kejahatan sampai harus dimasukkan ke dalam penjara.”



¹⁶Setelah pengurus roti itu tahu bahawa erti mimpi pengurus minuman itu baik, maka dia berkata kepada Yusuf, “Aku juga bermimpi. Dalam mimpi itu aku menjunjung tiga buah bakul roti. ¹⁷Di dalam bakul yang paling atas terdapat bermacam-macam kuih untuk raja, tetapi burung-burung datang memakan kuih-muih itu.”

¹⁸Yusuf menjawab, “Inilah erti mimpi itu. Tiga buah bakul itu bererti tiga hari.

¹⁹Dalam tiga hari ini, raja akan menyuruh orang memenggal kepala tuan lalu menggantungkan mayat tuan pada sebatang tiang, dan burung-burung akan makan daging tuan.”

²⁰Tiga hari kemudian, pada hari keputeraan raja, raja mengadakan jamuan besar bagi semua pegawainya. Raja memerintahkan supaya pengurus minuman dan pengurus roti dikeluarkan dari penjara, lalu dibawa ke hadapan semua pegawai istana. ²¹Raja mengembalikan pengurus minuman kepada pekerjaannya yang dahulu, ²²tetapi pengurus roti dihukum mati. Semua hal itu berlaku tepat seperti yang dikatakan Yusuf. ²³Namun pengurus minuman itu tidak ingat lagi akan Yusuf. Dia sama sekali lupa akan Yusuf.